

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 12 RABU 19 MACH, 1969 1388 رابو 29 ذوالحججه PERCHUMA

DUA ORANG DI-KURNIAKAN GELARAN CHETERIA

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah mengurniakan gelaran Cheteria kepada dua orang pegawai kerajaan dalam dua istiadat yang telah di-adakan kelmarin dan hari Jumaat lepas.

Dalam istiadat yang telah di-adakan di-Lapau Bandar Brunei semalam, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan mengurniakan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja kepada Timbalan Pesuruh-jaya Pulis Di-Raja, Pengiran Dato Utama Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Antara pembesar2 negara yang hadir menyaksikan istiadat mengurniakan gelaran tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2 serta pegawai2 kanan kerajaan.

Pada hari Jumaat 14 Mach yang lalu, Duli Yang Maha Mulia mengurniakan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya kepada Pengiran Dato Setia Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Cheteria baru itu ia-lah Setia Usaha Sulit dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-adakan di-Lapau Bandar Brunei dengan di-saksikan oleh pembesar2 negara termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran

Chatuan ayer di-ketatkan di-Tutong

TUTONG — Mulai hari ini belakan ayer dari Sungai Basong untuk kawasan Tutong hanya akan di-beri satu jam sa-hari di-antara pukul 6.00 pagi — pukul 9.00 pagi. Chatuan ini ada-lah berikutan dengan keadaan kemarau yang semakin burok.




Haji Mohammad Yusof dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Pada hari itu juga Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran Pengiran Datu Penghulu kepada Pengiran Haji Apong bin Pengiran Saifuddin.

Pengiran Datu Penghulu, Pengiran Haji Apong ia-lah Ketua Kampong Sungai Kianggeh dan bekas sa-orang kakitangan kerajaan yang telah bersara.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya di-istiadat menjunjung anugerah gelaran yang telah di-adakan di-Lapau Bandar Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin (membelakangi kamera) menjunjung sembah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-istiadat mengurniakan gelaran pada hari Jumaat lepas.



D.P.T. melawat Ka-Ulu Belait

KUALA BELAIT — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong telah melawat ka-beberapa buah kampung di-Ulu Belait kerana beramah tamah dengan penduduk2 di-kawasan pendalaman.

Yang Teramat Mulia telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong telah melawat ka-kampung2 Sungai Ubar; Long Dungun, Laid Lakang; Merangking Ulu, Merangking Hilir dan Bukit Sawat.

Rombongan itu telah di-sambut oleh penduduk2 kampung dengan meriah dan mereka melahirkan perasaan gembira atas lawatan Yang Teramat Mulia itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong berangkat dengan sa-buah land rover dari Kuala Belait hingga ka-Kampung Merangking Hilir, terletak hanya sa-batu dari sempadan dengan Daerah Tutong.

Lawatan itu ada-lah yang kedua kali-nya ka-kawasan Ulu Belait dalam masa dua minggu untuk meninjau dan beramah tamah dengan penduduk2 di-kawasan, pendalaman.

Ra'ikan ahli2 yang bersara

BANDAR BRUNEI — Persatuan Guru2 Melayu Brunei telah mengadakan satu majlis untuk mera'ikan ahli2 yang bersara, dan yang di-kurniakan gelaran serta bintang2 Kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Majlis tersebut telah di-adakan di-dewan Sekolah Melayu SMJA Puser Ulak, Bandar Brunei pada malam Sabtu yang lalu.

(Lihat Muka 8)



Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Haji Awang Mohd. Zain sedang memberikan ucapan dalam majlis tersebut.



Murid2 sekolah Ugama Tutong sedang mempersembahkan sa-buah nasheed ia-itu salah satu achara yang di-adakan pada malam itu.

Sambutan Tahun Baharu Islam di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Kadhi Besar Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin berkata, tahun Baharu Islam ada-lah satu peristiwa yang di-sambut tiap2 tahun, tetapi kebanyakan orang2 Islam tidak menyedari-nya di-sebabkan mereka terlalu biasa dengan haribulan Roman.

Beliau berkata, umat Islam di-negeri ini beruntung kerana kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan mengambil berat tentang ugama dan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama, ia-nya menerbitkan haribulan Islam dan lain2 risalah ugama

untuk mengenalkan mereka dengan peristiwa2 hari kebesaran Islam.

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa berkata demikian ketika berucap di-majlis sambutan Tahun Baru Islam anjuran Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan yang telah di-adakan di-Bukit Bendera Tutong pada hari Sabtu lepas.

Mengenai ajaran Islam, beliau berkata, Islam sa-bagaimana yang di-terangkan dalam Koran menggalakkan pengikut2-nya untuk menganggap pelajaran sa-bagai penting kepada penghidupan mereka.

Kadhi Besar itu juga menyatakannya negeri seperti Brunei dengan berbilang kaum dan penduduk-nya, perpaduan ada-lah



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman (tengah2) dan Setia Usaha J.H.E.U., Haji Awang Abdullah (kiri sekali) ada-lah di-antara yang turut menyaksikan sambutan itu. Di-kanan sekali ia-lah Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohd. Zain.

perlu kepada keamanan dan kemakmoran.

Dalam sambutan itu beberapa achara seperti nasheed dan bacaan Koran telah di-persembahkan pada malam itu, serta pertunjukkan wayang gambar dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Kemunchak dari sambutan pada malam itu ia-lah peraduan bahath antara Persatuan Melayu Keriam dan Persatuan Melayu Penanjong.

Di-antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh, ahli2 majlis mahasiswa daerah Tutong, pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama serta pemimpin2 kaum.

Tambahan Masjid

Seria siap — boleh

menampung 200 lagi

SERIA — Kerja membena tambahan kepada Masjid Seria, telah selesai dalam bulan lepas.

Tambahan memakan belanja kira2 \$50,000.00.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Abdullah bin Metassan berkata, dengan tambahan itu, masjid itu, sekarang dapat menampung sa-ramai 200 orang lagi.

Masjid itu telah di-bena oleh Sharikat Minyak Shell, di-Seria, 15 tahun yang lalu, dengan perbelanjaan sa-banyak \$250,000.00, dan hanya dapat menampung sa-ramai 300 orang.

Ia-nya di-buka dengan rasminya dalam bulan September 1954 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan yang pada masa itu menjadi Sultan.

Masjid itu, telah di-serahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam tahun 1962 oleh Persatuan Ikhwul Muslimin Daerah Belait, bagi tujuan2 pentadbiran dan penyelenggaraan.

Mengesan Penyakit Malaria di-teruskan

BANDAR BRUNEI — Rombongan Projek Penghapusan Malaria telah meneruskan lawatan ka-sekolah2 dalam usaha mengesan ada-nya penyakit malaria di-kalangan kanak2 sekolah.

Kempen yang di-mulakan dalam bulan September tahun lalu itu juga bertujuan untuk menerangkan guru2 akan bahaya penyakit malaria dan memberikan panduan chara mengesan penyakit itu di-kalangan murid2.

Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Y.T. Wu berkata, setakat ini rombongan-nya telah pun melawat 50 buah sekolah — 25 di-Daerah Brunei-Muara, 18 di-Daerah Tutong dan tujuh di-Daerah Belait.

Kata-nya, sa-jauh ini tidak ada berlaku kejadian penyakit itu di-jumpai.

Jalan Mulaut di-tutup

BANDAR BRUNEI — Jalan Mulaut-Bebatek telah di-tutup kepada lalu lintas.

Satu pengumuman Pejabat Daerah Brunei-Muara berkata, jalan tersebut di-tutup ada-lah

berikutan berlaku-nya kerosakan jambatan di-Kampung Mulaut.

Jalan itu akan di-buka semula sa-baik2 sahaja jambatan itu siap di-perbaiki.

DALAM hidup ini kita mempunyai kebaikan dan kejahatan. Kejahatan itu datang-nya dari berbagai sumber, dalam hal demikian Tohan telah berfirman dalam surat Al-Falak yang bermaksud :

"Katakan-lah, aku memohon perlindungan kepada Tohan segala mahlok daripada bahaya kegelapan malam ketika malam itu telah datang dan daripada bahaya hembusan jahat dalam ikatan dan dari bahaya orang yang hasat dengki ketika orang itu dengki."

Ayat2 suchi Al-Koran itu mengajar manusia supaya memohon perlindungan kepada Tohan supaya terselamat daripada bahaya dan kejahatan, khas-nya bahaya yang datang-nya waktu malam, bahaya hembusan jahat dan bahaya orang yang dengki.

Malam dengan kegelapan-nya menimbulkan keadaan yang boleh menakutkan, kerana kadang2 orang2 yang berniat jahat menggunakan kesempatan kegelapan malam itu untuk melepaskan ranchangan jahat-nya dan juga di-taksirkan supaya kita bermohon kepada Tohan agar di-jauhkan daripada bahaya kegelapan fikiran dan pandangan hati. Hembusan jahat daripada kata2 yang sa-olah2 benar dan jujur kerap kali memisahkan pertalian yang mesra antara sahabat, hembusan jahat itu menukarkan perasaan muhibbah kepada permusuhan. Sa-benar-nya kerja yang di-buat oleh yang suka membuat hembusan yang jahat itu, sama ada dalam bentuk kata2 atau pun lain2-nya yang mendatangkan bencana yang bukan sedikit, dia boleh menjadi sebab berlaku-nya percheriaan antara suami isteri, dia boleh memisahkan antara sahabat dan lain2 lagi.

Berhubung dengan orang yang hasat dan dengki pula, tidak-lah kecil bahaya-nya berbanding dengan perkara2 yang di-sebutkan tadi.

Orang yang hasat dan dengki itu berharap2 supaya hilang nikmat yang di-miliki oleh orang yang di-hasutkannya. Sa-benar-nya setakat harapan

belum-lah begitu merbahaya dan setakat bahaya orang yang hasat dan dengki itu pun belum-lah memberi kesan kepada orang yang di-hasutkannya, tetapi yang mendatangkan bahaya ia-lah apabila hasat dan dengki itu telah bergelora di-dalam diri jiwa orang yang hasat itu, kerana dalam keadaan demikian dia akan berusaha dengan sungguh2 untuk menghilangkan nikmat Tohan yang di-miliki orang yang di-dengikannya.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, kertas2 pekat di-kereta dan di-baju, membolehkan sa-orang dari keluarga jemaah Haji itu menunggu di-pintu keluar dari dermaga, boleh di-dapati dari pejabat2 u g a m a, ia itu di-Tutong, Kuala Belait, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei dan di-Temburong.

Jemaah2 Haji yang telah pun berada di-tanah ayer, juga di-minta datang ka-pejabat kastam Di-Raja Bandar Brunei, untuk mengambil barang2 mereka pada hari itu.

Bahaya hasat dengki yang menggelapkan pandangan mata dan hati

KHUTBAH JUMA'AT

**Hembusan jahat drp. kata2
boleh menukarkan perasaan
muhibbah kepada permusuhan
—memisahkan pertalian yang
mesra antara sahabat—menjadi
sebab berlaku-nya percheriaan
antara suami isteri**



kapada orang yang di-hasat-nya.

Kadang2 ia berbohong, kadang2 ia mengatakan perkataan2 sa-olah2 pernah di-katakan oleh orang yang di-hasat-nya, pada hal perkara itu tidak berlaku, sebab hasat dan dengki itu pada lahir-nya berchampur dengan chemburu, sedangkan sifat chemburu itu boleh menggelapkan pandangan mata dan hati, kerana itu-lah kadang2 orang yang bersifat demikian kalau hajat-nya tidak sampai akan menghidupkan penyakit dalam otak ia-itu berada dalam perangkat permulaan daripada gila.

Oleh kerana ayat2 suchi Al-Koran telah menyatakan beberapa bahaya dan kejahatan dan Tohan telah mengajar kita supaya berliindung daripada bahaya2 dan kejahatan itu dan perlindungan itu hendaklah di-minta daripada Tohan, maka hendaklah kita sentiasa bermohon kepada Tohan agar kita mendapat perlindungan-nya.

Jemaah2 haji tiba 28 Mach.

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumumkan, bahawa sanak saudara jemaah2 Haji tidak di-benarkan masuk menunggu di-tambatan kastam Di-Raja Bandar Brunei, semasa ketibaan rombongan Haji itu, pada 28 Mach.

Langkah ini di-ambil adalah bagi memudahkan jemaah2 Haji itu, melalui kawasan dermaga tanpa gangguan.

Sanak saudara jemaah2 Haji juga tidak di-benarkan ka-Labuhan menaiki kapal2 kerajaan, untuk menyambut ketibaan mereka.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Mach, 1969 hingga ka-hari Selasa 25 Mach, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19 Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
20 Mach		12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
21 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
22 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
23 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
24 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
25 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

19 Mach, 1969.

AKIBAT KEMARAU

TIBA saja musim kemarau, maka timbul-lah berbagai masa'alah yang mempengaruhi kehidupan umat manusia di sepanjang musim itu.

Peladang menghadapi ketandusan ayer di-ladang2 dan sawah2 dan akibat kerana itu telah banyak merunsingkan kepala mereka, malah mengancam rezeki sa-bagai satu2-nya sandaran hidup mereka.

Buruh2 kasar yang bekerja di-bawah simbah chahaya mata-hari yang terik terlalu chepat merasakan dahaga dan mudah sekali meninggalkan changkul dan alat2 kerja mereka kerana berehat sambil meneguk ayer.

Di-sana sini terlihat benda2 yang "mengurinting" dan merkah kerana terlalu panas, daun2 bertukar warna, tanah merkah, jalan berdebu dan merayap kesana sini apabila di-tiup angin dan hingga-lah menjadikan sa-tengah2 makhluk "bekurisingan" kerana kepanasan yang menimbulkan rasa yang terlalu haus.

Kerana itu di-pohonkan kepada Tohan agar melimpahkan rahmat-nya dengan menurunkan hujan dan untuk itu Pejabat Ugama meminta kerjasama seluruh Imam2 masjid supaya berjemaah bersembahyang hajat agar Tohan mengkabulkan permintaan hamba2-nya yang ditimpa kemarau panjang.

Dari tindakan ini sudah cukup membayangkan betapa kita kekurangan ayer sekarang dan berbagai2 tindakan telah pun di-lakukan supaya seluruh rayayat dapat bekerjasama pada mencukupkan bekalan ayer sekadar yang di-gunakan untuk perkara2 yang penting dan meninggalkan untuk sementara mana2 yang kurang penting.

Ada-lah merupakan satu sumbangan yang besar arti-nya jika ibu2 dalam musim2 "jun-trah" ayer, menggunakan ayer yang berlebihan untuk memudahkan kerja2-nya, tetapi dapat pula menjimat sekadar yang perlu saja. Kesedaran ibu2 menjimatkan ayer dalam musim kemarau ini sa-chara tidak langsung telah tersemat semangat tanggung-jawab yang begitu tinggi nilai-nya. Begitu juga jika mereka berjaya mengawal anak2 mereka supaya meninggalkan kesukaan bermain ayer.

Menchuchi kereta, rumah dan sa-bagai-nya ada-lah perlu di-lakukan sa-chara yang menjimatkan dan paip2 ayer hendaklah di-kawal kok-nya supaya sentiasa dalam keadaan ketat.

Kebakaran mudah saja berlaku pada waktu ini dan hanya dapat di-elakkan jika semua orang sentiasa waspada.

Pindek-nya ada-lah di-harapkan semua penduduk2 negeri ini akan bekerjasama berjimat dan menggunakan ayer untuk sekadar yang perlu sahaja. Mudah2an dengan usaha ini, kekurangan ayer yang menimpa tidak akan mendatangkan kemalaratan.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin ketika turun dari kapal terbang.



Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin di-ziarahi oleh keluarga-nya sa-jurus sa-lepas turun dari kapal terbang.



PULANG DENGAN SELAMAT

SA-RAMAI 236 orang jemaah haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer dengan kapal terbang pada 12 dan 13 Mach lepas sa-telah sempurna melaksanakan ibadah haji di-Mekah.

Kesemua jemaah haji itu selamat pulang ka-tanah ayer dengan 10 penerbangan dari Labuan dan dari Singapura ka-Labuan mereka menaiki kapal terbang yang di-sewa khas.

Kumpulan pertama yang mengandungi 119 orang jemaah haji tiba pada 12 Mach ia-itu hari Rabu. Di-antara mereka termasuk Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Haji Muda Kamaluddin dan beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

Pada 13 Mach, kumpulan kedua telah tiba dengan selamat-nya yang mengandungi sa-ramai 117 orang dengan di-temani oleh pegawai2 kebajikan haji. Ketibaan2 jemaah2 haji itu di-lapangan terbang Berakas telah di-alu2kan oleh ahli2 jawatankuasa Penasehat Jemaah Haji, Pegawai2 Kanan Jabatan Hal-Ehwal Ugama, sanak saudara dan sahabat handai mereka.

Sementara itu, Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal-Ehwal Ugama mengumumkan bahawa jemaah2 haji yang menaiki kapal laut yang mengandungi sa-umum 147 orang di-jangka akan tiba di-Brunei pada hari Jumaat, 28 Mach, 1969.

Pada masa ini mereka sedang dalam pelayaran ke di-Singapura pada hari Jeddah dengan menaiki kapal Anshun yang di-jangka tiba di-Singapura, kapal tersebut akan bertolak ka-Labuan pada hari yang sama melalui Kuching.

Bahagian Urusan Haji mengisahkan bahawa Nasar dari Kampong Sengkuring telah meninggal dunia pada 11 Mach sa-hari sa-lepas bertolak dari Jeddah akibat kechederaan dalam satu kemalangan di-kapal itu.

Allahyarham Haji Awang Saban yang berumur 58 tahun ada-lah sa-orang buruh kasar di-Jabatan Pertanian dan beliau menunaikan haji dengan di-temani oleh isteri-nya Hajjah Dayang Jariah binte Merali. Dengan "meninggal"-nya Haji Awang Saban membawa kapada 8 orang jemaah haji Brunei yang meninggal tahun ini.

Bonda kapada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pemangku Menteri Besar kelihatan sedang turun dari kapal terbang, sementara yang menghadap kamera ia-lah Haji Awang Idris bin Tahir, pegawai dari Jabatan Perpindahan, Brunei.

Dayangku Hajjah Halipah binte D.P. Bendahara Anak Haji Md. Yassin sedang turun dari kapal terbang sambil mendukung anak sulong-nya (Is-mail) yang lahir di-Mekah.

Jemaah2 haji bergilir2 turun dari kapal terbang sa-jurus sa-lepas mendarat di-lapangan terbang Berakas.



Haji Awang Zainal Abidin bin Mohammad, Pegawai Hutan Daerah Belait.



Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin, Timbalan Pengarah Kerja Raya, Haji Awang Talip bin Derwish, Y.A.M. Pengiran Maharaja Anakda, Pengiran Haji Ahmad (No. 3, 4 dan 5 dari kiri) dan Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abdul Hamid (kanan sekali) memakai "ehram" ketika berada di-Padang Arafah.



Sa-orang jemaah haji perempuan di-tuntun turun dari kapal terbang.



Satu lagi gambar yang menunjukkan jemaah2 haji Brunei ketika tiba di-lapangan terbang Berakas.

BERJUTA2 \$ DI-UNTOKAN BAGI PROJEK DI-DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah mengingatkan ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Temburong berhubung dengan kewajipan mereka sa-bagai ahli majlis mashuarat di-daerah itu.

Beliau berkata, sa-bagai ahli2 majlis mashuarat, mereka akan membinchangkan bukan hanya mengenai berbagai perkara yang berhubung dengan raayat yang mereka wakili tetapi mereka juga hendak-lah menerangkan perkhidmatan dan projek2 yang telah dan sedang di-jalankan oleh kerajaan.

Awang Johari telah berkata demikian dalam mashuarat Daerah Temburong yang bersidang di-bilik persidangan pejabat Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Menyentuh tentang kema-juan di-daerah itu, Awang Johari berkata, kerajaan telah menguntokkan berjuta2 ringgit kerana pembenaan jalan2 raya, jambatan dan lain2 projek.

“Untuk melaksanakan projek2 itu dengan lichen, raayat hendak-lah bekerjasama dan memberikan kerjasama de-

ngan sa-penoh kepada kerajaan,” tegas beliau.

Mengenai perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pelajaran, Pegawai Daerah itu menyatakan jabatan2 yang berkenaan maseh meneruskan tugas sa-beberapa yang boleh mereka jalankan.

Majlis itu juga telah mendengar jawapan2 dari kerajaan mengenai usaha memperbaiki jalan di-Kampung Menengah dan tanaman kelapa sawit yang di-ranchangkan di-Labu Estate.



Pasokan bola tampar Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei yang telah menjadi johan dalam perlawanan bola tampar anjoran Jabatan Pelajaran bagi sekolah2 menengah di-seluruh negeri bergambar dengan piala kemenangan mereka.

Di-kiri sekali ia-lah pengetua sekolah tersebut.

90 rekrut Pulis Di-Raja pulang akhir bulan ini

BANDAR BRUNEI — Satu rombongan 90 orang rekrut Pulis Di-Raja Brunei di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada penghujung bulan ini, sa-telah menamatkan latehan mereka, sa-lama sembilan bulan, di-Pusat Latehan Pulis, di-Kuala Lumpur.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata, barisan tamat latehan, bagi rekrut2 itu akan diadakan pada 22 Mach.

Rekrut2 itu akan di-temani oleh empat orang pegawai latehan dari Pulis Di-Raja Brunei, dan mereka akan berlepas dari Singapura, pada 26 Mach, dengan kapal Raja Brooke.

Rekrut2 itu meninggalkan Brunei ka-Malaysia, dalam bulan Ogos tahun lepas.

Mereka telah di-ajar undang2, dan peratoran pulis, dan tugas2 am, di-pusat latehan itu.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis berkata, apabila rekrut2 itu pulang, mereka akan di-tempatkan ka-berbagai2 balai pulis, di-negeri ini.

Sementara itu, empat orang merinyu perchubaaan, telah pulang ka-tanah ayer dalam minggu ini, sa-lepas menghadiri kursus pulis di-Malaysia Barat.

Merinyu2 itu akan di-tempatkan di-Balai Pulis di-Bandar Brunei.

Beneh2 padi jenis IR5 akan di-bahagi2kan kapada peladang2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian sekarang ini mempunyai satu lagi jenis beneh padi yang baik mutu-nya, yang akan di-bahagikan ka-

pada peladang2 bagi musim tanaman tahun 69 dan 70.

Beneh2 padi itu jenis IR5 di-perolehi dari Institute Penyelidikan Padi Antara Bangsa di-Filipina.

Beneh2 itu telah di-tanam baru2 ini dan di-jangka menghasilkan jumlah beneh yang banyak.

Pada musim menanam yang lalu, Jabatan Pertanian telah membahagikan sa-banyak kira2 1,293 gantang beneh padi jenis Malinja dan Mahsuri kapada peladang2 dan dari jumlah itu 360 gantang telah di-bahagikan kapada ahli2 Persatuan Luagan Dudok di-daerah Tutong.

CHALUN KETUA KAMPONG BOKOK

BOKOK, TEMBURONG. — Penduduk2 Kampung Bokok, Temburong, telah memilih Awang Othman bin Nayan untuk di-chalunkan bagi memenohi jawatan sa-bagai ketua di-kampung itu.

Pemilihan tersebut telah diadakan di-balai raya Bokok dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Awang Johari bin Abdul Razak.

Nama chalun itu akan di-umumkan kapada kerajaan untuk di-siasat. Jika di-luluskan ia-nya akan menggantikan ketua kampung, Haji Awang Malek bin Sulaiman yang akan bersara tidak lama lagi.

JALAN DI-TUTUP

BANDAR BRUNEI. — Mulai 16 Mach, jalan antara Sengkurong dan Masin telah di-tutup buat sementara waktu kapada lalu lintas, bagi kemudahan2 di-jalankan kerja2 membaiki sa-bahagian jalan dari Masin ka-Burong lepas.

Menurut sa-buah pengumuman Pegawai Daerah Brunei/Muar, jalan tersebut akan di-buka semula, sebaik2 sahaja kerja2 memperbaikinya selesai.

Suntekkan chegha Kolera

BANDAR BRUNEI. — Rombongan penyutik Jabatan Perubatan dan Kesihatan, telah menjalankan penyuntekkan tahunan bagi menchegha penyakit Kolera di-sekolah2 kawasan Kuala Belait dan Seria, mulai dari 17 Mach lepas.

Pegawai Perubatan Kesihatan, Dr. Y.H. Pike meminta guru2 besar dan guru2 di-sekolah2 kawasan itu, supaya bersedia akan ketibaan rombongan perubatan itu, yang akan memberikan ubat suntekan kapada murid2 di-sekolah mereka.

Setem Hak Asasi Manusia maseh di-jual

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Ketua Pos Agong, Awang Mohammed Jaafar bin Haji Mohamed Daud berkata, pejabat2 pos di-seluruh negeri sa-takat ini telah menjual sa-banyak 206,000 keping setem2 memperingati Tahun Hak Asasi Manusia Antara Bangsa 1968.

Dari jumlah itu, sa-banyak 15,000 keping yang berharga 75 sen yang sekarang sudah habis di-jual di-semua pejabat2 pos di-Brunei.

Awang Jaafar berkata, kira2 15,000 keping setem yang berharga 25 sen dan 43,000 keping yang berharga 12 sen maseh lagi di-jual.

Setem2 itu mula2 di-jual pada 16 Disember tahun lepas.

Sementara itu, Awang Mohd. Jaafar juga telah mengingatkan kapada pemilek2 peti surat di-Bandar Brunei supaya menjelaskan sewa peti2 surat mereka bagi tahun ini dengan sa-beberapa segera.

B.S.P. Kehendaki sa-orang "Foreman"

BANDAR BRUNEI. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, mempunyai satu jawatan kosong bagi sa-orang foreman berpengalaman, dan mempunyai kelayakkan, untok menjalankan tugas pemeliharaan letrik di-berbagai kapal sharikat itu, yang di-gunakan dalam kerja2 telaga minyak di-laut.

Mereka yang ingin memohon, hendaklah mempunyai diploma atau sijil City and Guilds 'C' dalam kejuruteraan letrik, dan mereka juga hendaklah berpengalaman dalam pemeliharaan letrik di-kapal2.

Pemohon yang berjaya akan menerima gaji sa-banyak \$500.00 sa-bulan paling rendah, bergantung kepada kelayakkan dan pengalaman. Tempat tinggal juga akan disediakan perchuma.


Pemohon2 hendaklah menulis dengan memberikan butir2 mengenai kelayakkan dan pengalaman kepada Ketua, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Sharikat Minyak Shell Seria.

Kembali sa-lepas jalani latehan

BANDAR BRUNEI. — Empat orang sergeant Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, telah pulang ka-tanah ayer, sa-telah selesai menjalani kursus latehan perang hutan, selama satu bulan sa-tengah di-Johore, Malaysia Barat.

Mereka ia-lah Sgt. Jaya bin Mohammed; Sgt. Sungkai bin Inja; Sgt. Abdul Momin bin Abas, dan Sgt. Othman bin Saman.

Ke-empat2 orang sergeant itu akan berkhidmat semula di-kompani masing2 di-Kem Berakas.



Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Jaya bin Abdul Latif sedang di-perkenalkan kepada pemain2 pasukan persatuan Pemuda/i Sungai Kedayan oleh Awang Hussein bin Pehin O.K. Di-Gadong, Yang Di-Pertua Persatuan Belia Sumbiling sebelum perlawanan pembukaan di-mulakan pada 9 Mach yang lalu.

Perlawanan bola sepak itu di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Belia Sumbiling.

Latehan Perguruan Kursus (A) -1969

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam negeri Brunei, yang mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Pelajaran 'Am dengan mendapat kelulusan dalam 4 perkara, bagi mengikuti kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masuk akan menerima elaun seperti berikut:

Bagi tahun pertama dan kedua sa-banyak \$270.00 sa-bulan dan \$285.00 sa-bulan bagi tahun ketiga.

Jika pemohon itu di-beri tempat tinggal di-Asrama yang dia-kuai, sa-banyak \$60.00 daripada elaun-nya akan di-potong pada tiap2 bulan.

Sa-belum di-terima masuk, pemohon2 akan di-temu-duga serta juga di-pereksa oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei memenohi sharat2 di-bawah:

- mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan.
- mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar balek dengan sa-penohnya kepada kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan.
- mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Semua penuntut yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang mempunyai kelulusan yang sa-jajar.

Permohonan2 hendaklah dibuat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati daripada Pengetua, Maktab Perguruan Brunei, Peti Surat 391, Bandar Brunei. Borang2 yang telah di-disi hendaklah di-kembalikan kepada Pengetua tidak lewat daripada 30 Mach, 1969.

Lawatan IBB ka-Labuan

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan dari Badan Seksi Sokan dan Permainan Persatuan Ikatan Belia Berakas akan mengadakan lawatan sahari ka-Labuan pada 20 Mach esok.

Rombongan tersebut di-ke-tuai oleh Awang Abdul Karim bin Pukul, Pengerusi Badan Seksi Sokan dan Permainan IBB.

Ketika berada di-Labuan mereka akan mengadakan perlawanan2 bola sepak, se-

pak raga jaring dan badminton sa-chara persahabatan dengan pasukan2 USNO Labuan.

Sementara itu pada 23 Mach ini, pasukan bola sepak persatuan IBB akan bertemu dengan pasukan Belia Sumbiling dalam perlawanan bola sepak anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Perlawanan akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei mulai 4.30 petang.



AMARAN PENGAWAL BOMBA: JANGAN BUANG PUNTONG2 ROKOK SEBARANGAN

BANDAR BRUNEI — Pemangku Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Yaakub bin Haji Mohamed Yusof telah menasihatkan orang ramai supaya jangan membuang puntong2 rokok sebarangan.

Beliau juga menasihatkan ibu bapa supaya jangan membiarkan anak2 mereka bermain dengan api.

Awang Yaakub memberi nasihat itu berikutan berlakunya beberapa kebakaran di belukar dan hutan2 yang kebanyakan terjadi di kawasan Seria dalam beberapa minggu lepas.

Pemangku Pengawal Perkhidmatan Bomba itu berkata, kebakaran biasa-nya berlaku apabila orang ramai membakar sampah sarap tanpa di-jaga.

Beliau menyeru orang ramai, terutama-nya peladang2 supaya berhati2 ketika membakar hutan2 untuk tanaman.

Orang2 yang berkelah juga di-nasihatkan supaya memadamkan api2 yang telah dinyalakan untuk kegunaan memasak, sa-belum meninggalkan tempat itu.

Awang Yaakub berkata, dia membuat rayuan tersebut atas sebab musim kemarau ini.

Beliau berkata jika kebakaran di-hutan mula berlaku kebakaran itu sukar hendak di-kawal.

Awang Yaakub berkata ke-

bakaran di-belukar atau hutan bukan hanya memusnahkan hak kepunyaan orang ramai, tetapi akan juga membahayakan manusia.

Pulang dengan mendapat B.A.

BANDAR BRUNEI — Sa-orang penuntut Brunei, Awang Abdul Razak bin Mohammad telah kembali ka-Brunei setelah berjaya mendapat B.A. Social Anthropology dari Universiti Australia Barat.

Dalam tahun 1961, Awang Abdul Razak telah mendapat dermasiswa kerajaan Brunei untuk menjalani kursus perguruan sa-lama dua tahun di-Maktab Latehan Perguruan Claremont.

Sa-telah berjaya menamatkan kursus tersebut, beliau melanjutkan pelajaran-nya pula di-Universiti of Western Australia.

Awang Abdul Razak ia-lah bekas penuntut Maktab Anthony Abell, Seria dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

240 lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut/M.C.E.

BANDAR BRUNEI — Sa-jumlah 240 dari 401 orang penuntut dari tujuh buah sekolah di-Brunei yang memasuki peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut tahun lalu telah lulus dan jumlah yang lulus itu ada-lah bersamaan dengan 66.9%.

Dari jumlah yang lulus sa-ramai 47 orang memperoleh Pangkat Pertama; 81 orang Pangkat Ke-dua dan 112 Pangkat Ke-tiga.

Sekolah Saint Michael's Seria telah mengatasi senari murid2 yang lulus dengan semua penuntut-nya yang mengandungi sa-ramai 32 orang telah berjaya ia-itu 10 mendapat Pangkat Pertama, 13 Pangkat Ke-dua dan 9 mendapat Pangkat Ke-tiga.

Sekolah Saint George's Brunei jatuh ke-dua dengan lima dari enam orang penuntut-nya lulus Pangkat Ke-tiga.

Sekolah Saint Angela Seria mendapat 81.8% penuntut-nya lulus. Dari 44 orang penuntut-nya yang mengambil peperiksaan, 8 orang lulus dengan Pangkat Pertama, 14 Pangkat Ke-dua dan 14 mendapat Pangkat Ke-tiga.

Maktab Anthony Abell Seria dari 70 orang penuntut yang menyertai peperiksaan sa-ramai 15 mendapat Pangkat Pertama, 17 Pangkat Ke-dua dan 18 Pangkat Ke-tiga. Keputusan ini bersamaan dengan 71.4% yang lulus.

Sekolah Saint Margaret Seria mendapat 55.5% lulus dengan 5 mendapat Pangkat Pertama, 17 Pangkat Ke-dua dan 12 Pangkat Ke-tiga.

Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei dari 157 orang penuntut, 7 lulus dengan mendapat Pangkat Pertama, 17 Pangkat Ke-dua dan 50 Pangkat Ke-tiga.

Sekolah Saint Andrew's Bandar Brunei sa-orang lulus Pangkat Pertama, 3 orang Pangkat Ke-dua dan 4 Pangkat Ke-tiga.

Dalam peperiksaan tersebut sa-ramai 94 orang chalu lulus Sijil 'Am Pelajaran atau G.C.E.

Dari 105 orang chalu persendirian yang memasuki peperiksaan itu di-Bandar Brunei sa-ramai 4 orang lulus dengan Pangkat Ke-dua dan 19 orang mendapat Pangkat Ke-tiga.

Di-Seria, tiga orang mendapat Pangkat Ke-dua dan 8 orang Pangkat Ke-tiga. Jumlah ini ada-lah dari 51 orang chalu yang memasuki peperiksaan.

Sa-ramai 44 orang chalu persendirian di-Bandar Brunei dan 20 orang di-Seria lulus Sijil 'Am Pelajaran.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sedang menyampaikan surat tauliah kepada Pengiran Datu Penghulu, Pengiran Haji Apog bin Pengiran Saifuddin.

Istiadat mengurniakan gelaran Pengiran Datu Penghulu telah di-adakan di-Lapau Bandar Brunei pada hari Jumaat 14 Mach yang lalu.

Majlis mera'ikan ahli2 yg bersara

(Dari Muka 1)

Mereka yang bersara dari perkhidmatan kerajaan ia-lah Dato Seri Paduka Marsal bin Maun bekas Menteri Besar dan Haji Awang Othman bin Bidin bekas Pengetua Maktab Latehan Perguruan Melayu Brunei.

Kedua2-nya juga telah di-hadiahkan dengan chendera mata.

Dua orang lagi ahli persatuan itu yang di-kurniakan gelaran dan pingat ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pemangku Menteri Besar dan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Sa-orang lagi ahli-nya yang di-kurniakan gelaran ia-lah Pengarah Omar Ali bin Pateh Haji Tengah.

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Malcolm MacInnes dan Dato Paduka Norman Bradbury, Pegawai Pelajaran yang di-kurniakan bintang kebesaran Negeri Brunei baru2 ini juga di-ra'ikan pada malam itu.

Di-antara yang hadir ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Berhormat Penulong2 Menteri.

Sambutan Tahun Baharu Islam di-Dewan Raya

BANDAR BRUNEI — Pengerua Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Haji Muda Kemaluddin di-jadualkan merasmikan Sambutan Tahun Baharu Islam yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada malam ini di-Dewan Raya Bandar Brunei yang akan dimulakan jam 7.30 malam.

Antara achara2 yang akan di-persembahkan dalam sambutan itu termasuk-lah peraduan membacha sajak dan nashid.

Kemunchak dari achara dalam sambutan itu ia-lah peraduan bakhath perengkat akhir di-antara PERANGKAP dengan Persatuan Gerakan Muda Mudi Belait.

Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menyampaikan ucapan ringkas dalam sambutan tahun baharu itu.

WANG UNTUK BELI MESIN BUAH PINGGANG

BANDAR BRUNEI — Penolong Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin telah menyampaikan sa-keping chek berharga \$25,000 kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Dato Dr. P.I. Franks.

Penolong Menteri itu berkata, wang derma dari orang ramai itu akan di-gunakan untuk membeli sa-buah mesin buah pinggang yang akan di-gunakan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin telah melahirkan kegembiraan-nya kepada orang ramai atas kerjasama dan bantuan mereka itu.